

PM seru Islam, bukan Islam tangani keganasan secara bersama

PUTRAJAYA 28 Nov. — Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menyeru negara Islam dan negara bukan Islam supaya menangani isu keganasan secara bersama atau menghadapi padah untuk terus hidup dalam ketakutan.

Beliau menegaskan bahawa dunia tidak akan aman selagi isu keganasan tidak dapat diselesaikan segera kerana ia mampu menjejaskan ekonomi sejagat.

Menurut beliau, isu keganasan bukan satu perkara baru malah ia tercetus sejak tertubuhnya negara Israel sehingga rakyat Palestin dihalau keluar dari negeri sendiri lebih 50 tahun lalu.

“Tidaklah ramai yang bersimpati malah sudah tentu ia menimbulkan kemarahan banyak rakyat Islam.

“Keganasan tidak akan berakhir selagi penindasan terhadap rakyat Palestin tidak dihentikan,” tegas beliau.

Dr. Mahathir berkata demikian ketika berucap di majlis berbuka puasa anjuran Kementerian Luar di sini malam ini.

Turut hadir di majlis itu adalah Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohamed Ali, Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar dan wakil-wakil kedutaan asing.

Kata Dr. Mahathir, penindasan yang berlaku bukan sahaja kepada umat Islam di Palestin tetapi di Iran, Iraq, Libya, Sudan, Kashmir dan Chechnya.

Perdana Menteri mengingatkan bahawa di dunia ini terdapat 1.3 bilion umat Islam dan apa yang berlaku ke atas negara Islam terbabit sudah tentu mencetuskan kekecewaan, kemarahan bagi sebilangan kecil penduduk Islam yang akan mengambil tindakan tanpa menghiraukan nasihat daripada kerajaan mereka.

“Mereka ini bertindak atas kemarahan yang timbul dari diri sendiri dan tidak ada sesiapa yang dapat menghalang mereka.

“Kita perlu ingat yang sesebuah negara atau seseorang mungkin mengamalkan demokrasi atau kebebasan bersuara tetapi perlu diingat negara demokrasi tidak lari daripada melakukan perbuatan yang tidak demokrasi,” katanya.

Beliau memberi contoh bagaimana bom atom yang digugurkan ke atas orang awam dan pengeboman beramai-ramai di Eropah dilakukan oleh sebuah negara yang mengaku demokrasi.

Kata Perdana Menteri, amalan demokrasi sebenarnya tidak menjanjikan apa-apa kerana ia tidak mampu menjamin keselamatan sesebuah negara lain.

“Jika seseorang membawa senjata di tengah jalan ia sudah mampu untuk menakutkan seluruh bandar,” ujarinya.